

# Pameran, Pertandingan Penyelidikan, Rekacipta UMS 2013 diadakan 12, 13 September

02 9.9.2013 6

KOTA KINABALU: Pertandingan Penyelidikan & Rekacipta 2013, atau singkatannya Pereka merupakan acara tahunan pameran dan pertandingan hasil penyelidikan dan inovasi para ahli sains dan penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Pereka 2013 yang dianjurkan buat kali ke-7 tahun ini akan berlangsung pada 12 hingga 13 September ini di Dewan Kuliah Pusat ke-2, UMS mengumpulkan para ilmuwan dan cendekiawan UMS dengan maklumat penyelidikan, dapatan kajian, produk dan prototaip teknologi, serta perkembangan terkini ilmu dan praktik pelbagai disiplin akademik di UMS.

Pereka 2013 bermatlamat mengetengahkan hasil usaha Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) UMS, mempamerkan peluang pengkomersialan teknologi kepada industri, mengetengahkan potensi pemindahan teknologi kepada komuniti dan perkongsian maklumat saintifik dengan masyarakat umum.

Dalam Pereka 2013, produk dan teknologi yang dipamerkan akan diadili oleh pakar penilai yang dilantik dari sektor akademik dan wakil industri untuk memilih teknologi dan produk yang berpotensi memenuhi

keperluan industri, menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat serta menyelesaikan masalah semasa.

Bagi maksud tersebut, produk dan teknologi para peserta yang terdiri daripada ahli akademik dan penyelidik UMS dibahagikan kepada sembilan kategori yang mencakupi pelbagai disiplin keilmuan dari kluster sains tulen, sains fizikal dan ilmu kemanusiaan yang ditawarkan di UMS.

Para pemenang yang dinilai berdasarkan beberapa ciri teknologi dan potensi aplikasi akan mewakili UMS ke acara serupa yang diadakan di peringkat kebangsaan.

Para peserta UMS yang berjaya di peringkat kebangsaan seterusnya akan mewakili Malaysia ke peringkat antarabangsa yang diadakan di pelbagai negara seperti Jerman, UK, US, Korea, Timur Tengah dan China.

Pertambahan penyertaan dari aspek kuantiti serta peningkatan kualiti teknologi dan potensi produk yang dipamer setiap tahun menunjukkan kepesatan aktiviti R&D di universiti.

Ini selaras dengan hasrat Malaysia membangun teknologi sebagai mekanisme memakmurkan negara dan meningkatkan daya saing di per-

ingkat antarabangsa. Melalui aspirasi ini, kemakmuran sumber asli tempatan, kekayaan flora dan fauna serta kepelbagaian ciri sosioekonomi dapat digembleng untuk membentuk daya saing Malaysia.

Penganjuran Pereka 2013 merupakan mekanisme membangkit dan menggalakkan usaha berterusan para penyelidik dan ahli akademik UMS mendokong cita-cita negara.

Menurut Profesor Dr. Felix Tongkul, Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi UMS (PPI), sebanyak 367 hasil penyelidikan dalam bentuk dapatan kajian, produk baru, prototaip dan teknologi yang berpotensi akan dipamer dan dipertandingkan.

Ketika memberikan ulasan lanjut berkenaan perkara ini, beliau menyatakan bahawa adalah menjadi hasrat UMS meningkatkan aktiviti seperti ini bagi menjana hasil dan mengoptimalkan teknologi yang terhasil dari aktiviti R&D UMS.

Selaras dengan hasrat tersebut, penganjuran Pereka 2013 diharapkan dapat mencungkil lebih banyak hasil R&D yang berpotensi untuk diketengahkan kepada industri dan masyarakat. Pengunjung terutama-

nya para pelajar institusi pengajian tinggi dan pelajar sekolah menengah dan rendah, para pemain industri dan penduduk sekitar akan dapat berinteraksi secara langsung dengan para peserta yang terdiri daripada penyelidik UMS, kakitangan akademik, para profesor dan pelajar pascasiswazah.

Sempena Pereka 2013 juga, satu acara menandatangani perjanjian prapengkomersialan produk penyelidikan yang dinamakan A-YAMLI akan diadakan di antara UMS dengan sebuah syarikat perladangan tempatan dan syarikat yang berpangkalan di negara Brunei Darussalam.

A-YAMLI merupakan makanan tambahan ternakan yang dihasilkan daripada ekstrak tumbuhan Tongkat Ali (*Eurycoma longifolia*). Melalui perjanjian ini, syarikat terbabit menjalankan ujian kesesuaian peringkat ladang masing-masing dengan kapasiti pengeluaran 30 hingga 150 ribu ekor ayam setiap pusingan.

Pengurusan syarikat yang beroperasi di Brunei yakin dengan maklum balas pasaran berdasarkan ujian awal dan maklum balas para pengguna yang mendapati kelebihan daging

ayam yang diberikan makanan tambahan berasaskan Tongkat Ali.

Awang Ahmad Awang Yunus, penyarah Sekolah Perhutanan dan Tropika Antarabangsa (SPTA) UMS yang menghasilkan teknologi tersebut menyatakan ternakan ayam yang diberikan produk ekstrak Tongkat Ali menunjukkan kelebihan dari segi tekstur, bau, ketahanan dan kandungan lemak yang rendah.

Bahkan, produktiviti ladang menunjukkan peningkatan dengan kadar kematian yang rendah, penjimatan kos vaksin dan ubat-ubatan, peningkatan berat dan kualiti daging, ketahanan terhadap serangan penyakit serta kadar tumbesaran yang lebih cepat.

Tambah beliau lagi, kos dan kaedah pengendalian dan perawatan sisa buangan ladang melalui kaedah ini juga menampakkan kelebihan berbanding kaedah konvensional.

Justeru itu, bagi organisasi dan individu yang berminat untuk melihat hasil kajian terbaru daripada penyelidik UMS, boleh berbuat demikian pada 13 September 2013 (Jumaat) di Dewan Kuliah Pusat ke-2, UMS bermula dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.